# BULETIN PERPUSTAKAAN

Jilid 24; Bil. 04; Oktober—Disember 2013 ISSN 1823-4763 ent.library.utm.my

## Chief Librarian of UTM Appointed As "Member of IATUL Regional Group For South East Asia"



The Chief Librarian of UTM, Ms Kamariah Nor Mohd Desa has been appointed as 'Member of the IATUL Regional Group for South East Asia' in conjunction with the IATUL Leadership Academy 2014, which will be held at Mercure Krabi Deevana Hotel in Krabi Thailand, 09-11 February 2014. Ms Kamariah recently received the letter of appointment from IATUL President, Dr. Reiner Kallenborn at Oxford University while at-tending a workshop on Research Data Management on 6-7 December 2013.

As a member of the IATUL Regional Group, UTM Chief Librarian is given the opportunity to make significant contribution to the developmen of library services all over the world, a challenging task and indeed a great responsibility for a library leader. This requires the ability to flexibly and efficiently navigate a library through custemer requirements and institutional competition, as well as the challenge of keeping up with rankings and satisfying the needs of employees with whatever limited resource available.

Librarians have always been acknowledged as the authority on information management, playing a role in the way information is disseminated in this world or ever changing and fast development communication, expanding technological transformations, borderless networking and global interdependencies. As such librarians can play key roles in the maintenance of the standard of living and further development of world heritage.




## Congratulations... Emerald High Usage Award

UTM is proud to be the recipient of the Emerald High Usage Award 2011 & 2012, presented by the Emerald Group Publishing Limited. The award was presented on the 6th of November 2013 by Mr Amex Tan, Business Manager, Academic East Asia, Malaysia Regional Office of the Emerald Group Pub. Ltd. In the year 2011, UTM Library was ranked 18th Highest in downloads of Emerald Articles (132,493 articles) worldwide. While for the year 2012, UTM was ranked 13th Highest, with 143,041 worldwide downloads of Emerald Articles. Heartiest congratulations to all who have contributed.

## UTM Experts Directory for Researchers -http://scival-expert.utm.my/

Welcome to the UTM Experts Directory, a searchable database of the research interests of UTM academic staff.




### Exclusives in this issue...

Researcher Guide @ UTM 3
E-Print (UTM-IR) 4
Library Facilities 5
Aktiviti Okt-Dis 2013 6

# From the Editor's Desk

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Greetings

In order to successfully achieve its main aim, UTM Library requires the cooperation of members of the campus community, in particular the students and researchers, the staff of the university, as well as people in the surrounding community. Hence, the Library bears the responsibility of helping to fulfill the aspiration of the University's leadership towards providing the best facilities and services to meet the demands of UTM's stakeholders and customers.

Realizing a conducive library environment is crucial in helping students cope with the learning process while in UTM, The Library focuses on several improvements in facilities, services and management. One obvious improvement is the newly carpeted floor of level 3. Other plans for improvements will be implemented soon to ensure the conveniencefor all.



We are very confident and optimistic that the Library will be able to provide you desirable and high quality service. Please do not hesitate to make full use of all the facilities and services available. We also welcome any sug-gestions for improvement .

## Editorial

Patron: Kamariah Nor Mohd Desa
Editor-In-Chief: Noraziah Sharuddin
Editor: Salina Shamshuri
Editorial Team:
Mohd Razib Karno, Nik Masriza Nik Zakaria, Hamizah Sumin, Nor Hafiza Daud Kaiyin, Yusrul Hisham Mohd Yusof
Circulation: Kartini Ibrahim, Mohd. Firdauz Kusnin
Photography: Wan Jamal Mohd Ariff

**Buletin Perpustakaan is published quarterly by UTM Library.**

**Copyright @ 2013**

## Quote's of the Day

*For all of us today, the battle is in our hands. The road ahead is not altogether a smooth on. There are no broad highway to lead us easily and inevitably to quick solutions. We must keep going."*

*-- Martin Luther King Jr.*

# Kerjasama Komuniti Perpustakaan UTM Dengan Sek. Keb. Ayer Manis Kulaijaya



Hubungan dengan masyarakat setempat dan komuniti luar yang akrab akan membina jaringan dan jalinan yang memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak. Sejajar dengan itu, Perpustakaan UTM dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Ma-laysia (PPMKS) Kumpulan Selatan telah menyumbangkan sejumlah 662 buku serta empat buah komputer terpakai kepada Sekolah Kebangsaan Ayer Manis Kulaijaya pada 30 Oktober 2013. Buku ini dikumpul oleh PPMKS dan Perpustakaan UTM sejak bulan Julai lagi.

Kerjasama komuniti ini adalah sebahagian dari usaha membantu pihak sekolah dalam menambah bilangan buku, bahan bacaan dan komputer agar budaya membaca dan minat kepada bahan bacaan dalam kalangan masyarakat pelajar sekolah dapat ditanam seawal mungkin.

Majlis penyerahan komputer dan buku ini telah disempurnakan oleh Ketua Pustakawan UTM, Puan Kamariah Nor Mohd Desa. Turut hadir adalah Encik Seroun Samsuddin, Guru Besar SK Ayer Manis dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Ayer Manis , Encik Iskandar Miza Ahmad.

Selain itu, UTM Reading Station (UTMRS) yang menjadi tanggungjawab sosial Perpustakaan UTM juga telah dibangunkan di sekolah ini untuk menjadikan budaya membaca sebagai aktiviti berfaedah bagi mengisi masa lapang warga sekolah.



Program ini secara tidak langsung telah meningkatkan nisbah 14 buku bagi setiap murid di sekolah ini yang mempunyai seramai 320 orang murid. Ini kerana pada masa yang sama sekolah ini menyasarkan nisbah ini bertambah kepada 15 buku hasil dari sumbangan bahan bacaan ini.

Sesungguhnya tanggungjawab sosial ini bukanlah perkara baru kerana sebelum ini Perpustakaan UTM pernah menjayakan program yang sama di Kampung Belukar Durian, Kota Tinggi Johor, projek Braille bersama pelajar Sekolah Pendidikan Khas, Sekolah Princess Elizabeth, Johor Bahru dan Projek Bersama Rumah Anak-anak Yatim, Pontian Johor.

# What Do You Need To Know?



Researcher Guide@UTM

## What is Impact Factor?

- A citation metric
- The impact factor of a journal is the average number of citations received per paper published in that journal
- The journal must be published in 2 consecutive years, so the IF can be calculated in the 3rd year

Example of IF calculation:

- A journal published In 2008 has an impact factor of 3.0. This means that papers published in 2006 and 2007 received 3 citations each on average.

Sample calculation: For 2008 impact factor = A/B

A = the number of times articles published in 2006 and 2007 were cited by indexed journals during 2008

B = the total number of "citable items" published by that journal in 2006 and 2007. ("Citable items" are usually articles, reviews, proceedings, or notes; not edito-rials or Letters to the Editor).




**Steps to Check Impact Factor, H-index etc. for UTM Community**

## What is H-index?

- The h-index is an index that attempts to measure both the productivity and impact of the published work of a scientist or scholar.
- The index is based on the set of the scientist's most cited papers and the number of citations that they have received in other publications.
- The index can also be applied to the productivity and impact of a group of scientists, such as a department or university or country.
- The index was suggested by Jorge E. Hirsch, a physicist at UCSD, as a tool for determining theoretical physicists' relative quality and is sometimes called the Hirsch index or .Hirsch number

## Books... Handle with care

The Library's books are valuable and often irreplaceable. Damage to them means that the information they contain may be lost to future readers. Please use bookmarks rather than folding a page corner, inserting a paper clip or gummed note or leaving a book face down.



## Library Computer Facilities

Effective immediately, all access to the Library's computers require ACID username and password. For further assistance, please email to UTM Library - ITSUPPORT@GROUPS.UTM.MY with your details (Name, Matric, IC / ISID, Acid Login, HP, Expiry year).



# Steps to Access UTM e-print (UTMIR)

Here are the steps to get the information from the UTM Institutional Repository (UTM- IR). The UTM-IR, also known as e-Prints, can be accessed from this site: ent.library.utm.my.

Do a search in the search box provided. Users will acquire information based on the search. Users can then access the abstract and full text.

Search results will be displayed in the form of pdf files. Users can review the files before downloading the material in question. For UTM staff, the ID and password must be typed along with ACID. For external users, the search can be made without any ID and Password identification.










## Browse by Year

To search by year of publication, click on the Browse by Year button on the menu bar at the top of the page.

## Browse by Subject

To search by subject matter, either click on the Browse by Subject button in the menu bar at the top of the page or in the Repository Search button on the main page.







## Search by Faculty

To search for materials by faculty, click on the Browse by Division button on the menu bar at the top of the page.

## Search by Type of Material

To search by category of material, click on the Browse by Types.

## User Convenience is Our Priority : Enhanced Facilities

User convenience is taken seriously by the UTM Library and it has been our priority to ensure that each user receives the best facility. Not only have the existing library facilities improved in terms of smoothness of the system but improvements on the environmental atmosphere had impact on the image of the library as well. Elements such as lighting, scent, sound and temperature greatly affect user comfort and consequently affect their concentration on activities.

The Library management's efforts to replace the carpeting of the Interactive Area, Level 3, which accommodates the Internet facilities, OPAC, laptop zone, etc, is appropriate and timely. This is done out of concern over the bad odor from the old carpeting, and is seen as one of the library's efforts to improve learning environment. Now, the area looks new, more comfortable and more vibrant with colors. The area was previously closed from 19 November to 8 December 2013 to make way for the necessary renovations and carpeting, as well as for health reasons such as to protect users from noxious odor of chemicals and dust.

Library users seemed thrilled with the new look. The Library would like to thank everyone for being patient and complying with the ban from using the area. The wait is really worth the while as the place is really pleasing to the eye and of course ...no more bad odor.



## Facility Enhancement for Carrel & Discussion Rooms: Internet Access

The demand for Carrel and Discussion Rooms in the UTM Library have increased each year. In 2012 alone the total number of users was 28,155. Undergraduate students make up the highest number of carrel and discussion rooms users, amounting to almost 50% of the total number. The number of users is expected to rise even higher in December 2013 due to the installation of the UTP cable in every room, which allows for internet access. The facility has been provided in stages beginning the year 2012. The latest addition of 1 unit UTP cable in each Discussion Room, in addition to one previously installed, brings the number to 2 access points to a room.

The status of network activity for all access points are still in the early stage that requires monitoring from time to time. Consumer complaints are good indications of their concern for the quality of library services. The Library will seek and pursue a variety of initiatives that can enhance user experience, especially facilities involving information technology. Of course, the responsibility of each user in very important to ensure that the facilities provided are used responsibly so that they can be enjoyed by everyone in the long run.



## Perpustakaan UTM Berjaya Dalam Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001: 2008



Perpustakaan UTM telah berjaya dalam Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001: 2008 yang telah dijalankan oleh juruaudit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. iaitu Puan Siti Rahmah Ahmad dan Encik Azhar Kadir pada 19 dan 20 September 2013 yang lalu. Alhamdulillah, dengan usaha yang berterusan dan sentiasa mematuhi piawaian, Perpustakaan UTM telah berjaya mengekalkan pensijilan.

Pihak pengurusan Perpustakaan UTM ingin mengucapkan terima kasih di atas komitmen semua pihak dalam menjayakan audit kali ini. Semoga usaha berterusan serta perkhidmatan berkualiti menjadi amalan semua warga perpustakaan dalam memastikan proses perkhidmatan sentiasa memuaskan demi kecemerlangan organisasi. Tahniah diucapkan kepada seluruh warga Perpustakaan UTM!

## Keep up with the latest Library news

Want to know about new resources you could use?
Need to pick up tips on finding information?
Want to be the first to know the latest news?
Here are three ways to keep up-to-date:

**Check the Library homepage - ent.library.utm.my news feed** whenever you visit the Library website - it's on the right side of the page.

**Subscribe to the *University Library news* blog** - enter your email address in the subscription box on the left of our news blog and you will receive an email every time we post a new item.

**Follow us on Facebook** – keep up to date by following the UTM Library Facebook.

## Program Semarak Kasih UTM Kuala Lumpur : Penubuhan Galeri Kampong Baru



Satu lawatan penanda aras ke Galeri Tuanku Canselor dan Galeri Muzium Warisan Akademik, UKM Bangi telah diadakan pada 1 Oktober 2013 yang lalu bagi mendapatkan idea mengenai bahan dan susun atur sesebuah galeri. Lawatan telah disertai oleh 4 orang Ahli Jawatankuasa Pendokumentasian dan Galeri program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) UTM Kuala Lumpur yang telah dijenamakan sebagai program Semarak Kasih UTMKL. Lawatan diketuai oleh Puan Nik Masriza dari Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) UTMKL dan juga 2 orang wakil dari Pejabat Hal Ehwal Korporat (HEK) UTMKL.

Jawatankuasa dibawah tanggungjawab PSZ UTMKL ini merupakan salah satu inisiatif oleh Yang Berbahagia Pengarah Kampus UTMKL yang bergerak bersama penyelidik dari Jawatankuasa yang lain bagi aktiviti penyelidikan berkaitan permasalahan di Kampong Baru, Kuala Lumpur dan bertindak sebagai penggerak bagi cadangan penubuhan Galeri di UTMKL yang berfokus kepada sejarah penubuhan, perkembangan dan kecemerlangan Kampong Baru, Kuala Lumpur.

Sesi perkongsian bersama pasukan dari UKM tersebut telah memberi input yang positif dan maklumbalas yang memberangsangkan dalam usaha penubuhan Galeri ini dan pada masa yang sama mengeratkan lagi dua institusi dalam jalinan kerjasama untuk usaha yang murni.

## Perpustakaan Fakulti Alam Bina Kini Beroperasi di Bangunan Baru



Perpustakaan Fakulti Alam Bina telah berpindah dari Aras 4, Blok B05 ke Aras 1, Blok B01. Fasa perpindahan bermula dari 11 November 2013 hingga 21 November 2013. Terima kasih diucapkan kepada semua yang membantu dalam proses perpindahan ini terutamanya kepada 14 orang staf Perpustakaan UTM Johor Bahru, staf Perpustakaan Raja Zarith Sofiah dan 7 orang staf dari Fakulti Alam Bina. Perpustakaan FAB telah beroperasi sepenuhnya pada 18 Disember 2013 di bangunan baru ini. Pihak pengurusan PFAB berharap perletakan lokasi yang baru ini dapat meningkatkan jumlah pengunjung kerana ia berhampiran dengan bilik aktiviti pelajar dan Pejabat Akademik FAB.




## Lawatan ke PSZ UTMKL Sempena Karnival Mahabbah

Pada 4 Disember 2013, Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) UTMKL telah menerima lawatan dari peserta yang menyertai Karnival Mahabbah anjuran Pusat Islam Kuala Lumpur. Program yang bermula dari 2 hingga 12 Disember ini mendapat kerjasama dari semua warga Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTM KL) termasuk perpustakaan. Seramai 90 peserta yang terlibat dalam program ini yang rata-ratanya berusia antara 10 – 15 tahun telah diberi pendedahan tentang kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan. Di harap kerjasama antara jabatan di UTMKL ini berterusan untuk manfaat masyarakat sekitar.

## Perpustakaan UTM Terlibat Dalam Pameran Polis Diraja Malaysia



Pada 18 Disember 2013 yang lalu Perpustakaan **UTM** telah terlibat secara langsung dalam pameran Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Ruang Legar, Dewan Sultan Iskandar mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Pameran ini terbuka kepada semua warga kampus dan warga Johor yang ingin menjadi rakan polis, mendapatkan maklumat trafik dan mendapatkan maklumat jenayah narkotik. Selain itu turut dipamerkan ialah produk seperti candu, pil khayal, alatan penagihan dadah dan lain-lain untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai aktiviti jenayah masa kini. Orang ramai yang hadir juga berpeluang melihat tayangan video dan pelbagai koleksi gambar menarik yang dipaparkan.




Pada sebelah petang pula, satu Wacana Khas bertajuk Jenayah & Keselamatan Komuniti telah disampaikan oleh yang berbahagia. Dato' Wira Ayub b. Hj. Yaakob, Pengarah Jabatan Pencegahan & Pembenterasan Jenayah, PDRM Bukit Aman, KL.

# Persidangan Pustakawan 2013 - Perpustakaan UTM Terus Berdaya Saing Dengan DNA Berteras Kualiti

Persidangan Pustakawan Perpustakaan UTM bagi tahun 2013 telah diadakan selama lima hari bermula 25 hingga 29 November 2013 yang lalu bertempat di Bilik Seminar 2, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah Johor Bahru dan telah dirasmikan oleh Puan Kamariah Nor Mohd Desa, Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM. Seramai 43 orang peserta telah terlibat dalam bengkel ini yang terdiri daripada Pustakawan, Penolong Pendaftar, Penolong Eksekutif Kewangan serta pustakawan dari cawangan di Kuala Lumpur.

Persidangan kali ini adalah untuk melihat kepada perancangan tahunan bagi tahun 2014. Di samping itu, Perpustakaan turut mengemaskini perancangan jangka panjang dan jangka pendek, memberi pendedahan serta kefahaman kepada keperluan dan pelaksanaan *Key Amal Indicator* (KAI) UTM, memupuk semangat berpasukan, berkongsi ilmu pengetahuan dan mengeratkan hubungan melalui penglibatan aktiviti yang dijalankan sepanjang persidangan diadakan bagi menyokong wawasan perpustakaan supaya ianya kekal di landasan yang betul.





Hari pertama persidangan, Ketua Pustakawan telah menyampaikan ucap dasar yang menyentuh mengenai *UTM Library Global Plan 2014, UTM Library Strategy Map, UTM Library Action Plan 2014, Research Data Management, Customer Satisfaction Index* dan beberapa isu berkaitan *World Class Library.*

Persidangan seterusnya diikuti dengan pembentangan Struktur Baru Perpustakaan UTM: Fungsi dan Tanggungjawab oleh Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan & Pembangunan) Encik Anuar Talib dan Puan Noraziah Sharuddin,Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan).

Hari ketiga persidangan adalah mengenai Dasar Perpustakaan yang melibatkan semua bahagian di perpustakaan. Hari keempat pula semua peserta persidangan telah dibahagikan kepada lima kumpulan mengikut pembahagian KAI bagi perbincangan kumpulan selama 2 hari. Peserta persidangan bersungguh-sungguh mengeluarkan pendapat dan fakta yang relevan dengan KAI untuk sesi pembentangan pada hari keempat dalam menaikkan imej perpustakaan.

Pembentangan khusus terhadap keseluruhan KAI Perpustakaan 2014 dan rumusan kepada output persidangan telah disampaikan oleh Puan Norasikin Mohamad selaku penyelaras KAI Perpustakaan pada hari kelima. Dalam taklimat ringkas pada majlis penutup pula, Ketua Pustakawan berharap Perpustakaan UTM dapat mengekalkan DNA perpustakaan yang membudayakan kualiti supaya berada pada tahap maksimum demi kecemerlangan dan produktiviti perpustakaan selaras dengan penjenamaan semula perpustakaan kepada PERPUSTAKAAN UTM. Semoga segala perancangan yang telah digubal ini dapat dilaksanakan sepertimana yang dirancang.

# Promosi Perkhidmatan Perpustakaan Sempena Hari Bertemu Pelanggan UTM 2013

Perpustakaan UTM mengucapkan ribuan "terima kasih" kepada semua pelanggan yang mengambil bahagian dalam "Hari Bertemu Perlanggan UTM 2013" yang diadakan di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru pada 26 hingga 28 November 2013.



Perpustakaan UTM merupakan salah satu nadi penggerak utama aktiviti dan perancang Universiti. Oleh itu pelanggan perpustakaan merentasi pelbagai kategori warga kampus menjadi fokus utama dalam perkhidmatan. Justeru, pelbagai perkhidmatan yang telah diberi sepanjang program khas perkhidmatan peminjaman dan permulaan perkhidmatan rujukan dan runding nasihat, pendidikan pengguna, pangkalan data atas talian, perkhidmatan itu inter-library loan, sokongan penyelidikan perkhidmatan lanjutan (UTMRS) dan Perpustakaan Falkulti, pengurangan denda sehingga 80& perkhidmatan media dan pemuliharaan serta promosi perkhidmatan dan penerbitan. Tidak kurang menariknya apabila perpustakaan menjadi tuan rumah kepada sudut pameran galerium bagi mengenengahkan artifak, foto dan bahan bersejarah mengenai UTM. Pameran turut dikunjungi oleh Pro Canselor UTM iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Dr, Salleh Mohd Nor dengan diiringi ketua Pustakawan, Pn Kamariah Nor Mohd Desa. Pelanggan yang datang rata-rata mendapat manfaat dari program seperti ini, bagi menghargai para pelanggan, Perpustakaan UTM tidak ketinggalan memberi sumbangan cenderahati menarik kepada semua pelanggan sebagai tanda ingatan dan terima kasih.

# 'Performance Indicators for University Libraries in Malaysia' Kini Dalam Fasa Dokumentasi



Bengkel Dokumentasi *Performance Indicators for University Libraries in Malaysia* anjuran Perpustakaan UTM telah berlangsung pada 12-13 November di Business & Advanced Technology Centre,UTM Kuala Lumpur. Jawatankuasa *Special Interest Group 'Key Performance Indicators'*(SIG KPI)perpustakaan Akademik telah ditubuhkan pada Mei 2011 untuk mendapat input dari perpustakaan IPTA/IPTS yang menganggotai PERPUN di Malaysia khusus dalam membincangkan mengenai *Key Performance Indicators berasaskan piawaian BS 11620: 2008.* Matlamat utama *Special Interest Group* ini adalah untuk mewujudkan petunjuk prestasi yang seragam untuk rujukan perpustakaan akademik di Malaysia dan menerbitkan satu dokumentasi *Performance Indicators for Universities Libraries in Malaysia*.

UTM Kuala Lumpur telah dipilih sebagai lokasi bengkel selama 2 hari yang telah dihadiri oleh Ketua Pustakawan, Timbalan Ketua Pustakawan dan pustakawan yang menganggotai SIG KPI ini. Sebanyak 24 IPTA/IPTS turut serta dalam penyelidikan ini dan kajian telah menggunapakai sebanyak 44 *Performance Indicators* (PI) untuk tujuan pendokumentasian.

Bengkel berlangsung dengan jayanya dengan penglibatan dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat. Diharap segala perancangan dan aktiviti dapat berjalan sepertimana yang dirancang dan matlamat ini akan tercapai menjelang 2014.



## Tahniah ! Perpustakaan UTM Menang Pingat Perak Dalam Konvensyen KIK UTM 2013



Tahniah dan syabas kepada Perpustakaan UTM kerana telah mendapat pingat perak melalui persembahan projek inovasi bagi ketegori teknikal dalam Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) 2013 yang berlangsung sempena Program Hari Bertemu Pelanggan UTM pada 26 hingga 28 November 2013 yang lalu bertempat di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru.

Perpustakaan UTM diwakili oleh Kumpulan 5K yang terdiri dari staf dari Bahagian Perkhidmatan Koleksi dengan membawa tajuk "mempercepatkan proses peminjaman, pemulangan dan penyusunan koleksi tesis" melalui 2 kaedah penyelesaian iaitu membentuk penanda rak yang boleh diguna semula dan memansuhkan penggunaan slip sedia ada namun menyediakan slip kecil untuk sebahagian pengguna yang baru pertama kali merujuk tesis di perpustakaan.

Sekalung tahniah diucapkan kepada kumpulan 5K dan semua staf perpustakaan yang memberi komitmen terbaik dalam menjalayakan program ini.